

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN AGENSI NEGERI



PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2021

JENIS SIJIL KETUA AUDIT NEGARA

**TANPA TEGURAN
DENGAN PERENGKAN HAL-HAL LAIN**

**TARIKH PENYERAHAN
PENYATA KEWANGAN**
22 FEBRUARI 2022

Kerajaan Negeri Pulau Pinang perlu menyelenggara lejar subsidiari pendeposit dengan teratur, lengkap dan kemas kini. Senarai baki akaun deposit hendaklah selari dengan rekod kewangan bagi memastikan baki deposit diperakaunkan dengan tepat dan betul.

PRESTASI KEWANGAN

HASIL


2021	RM692.24 Juta	↑ RM224.96 Juta (48.1%)
2020	RM467.28 Juta	

BELANJA

2021	RM836.48 Juta	↓ RM12.91 Juta (1.5%)
2020	RM849.39 Juta	

Penyata Prestasi Kewangan mencatatkan defisit **RM144.24 juta** berbanding defisit RM382.11 juta (2020).

KUMPULAN WANG DISATUKAN



2021	RM2.117 Bilion	↑ RM295.54 Juta (16.2%)
2020	RM1.821 Bilion	

PENYATA AKAUN MEMORANDUM

PINJAMAN BOLEH DITUNTUT

2021 – RM132.38 Juta
2020 – RM248.01 Juta

↓ RM115.63 Juta (46.6%)

PELABURAN

2021 – RM229.48 Juta
2020 – RM232.99 Juta

↓ RM3.51 Juta (1.5%)

HUTANG AWAM

2021 – RM45.41 Juta
2020 – RM49.63 Juta

↓ RM4.22 Juta (8.5%)

**Kedudukan Kewangan
KUKUH**

**7 SYOR
AUDIT**

PENYERAHAN, PENGESAHAN DAN PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN AGENSI NEGERI

12 AGENSI

- 9 Badan Berkanun Negeri
- 1 Majlis Agama Islam
- 2 Pihak Berkuasa Tempatan

PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2021

12 agensi kemuka sebelum
30 Jun 2022

PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN AGENSI YANG TELAH DISIJKAN DI DEWAN UNDANGAN NEGERI (DUN)

- ✓ Lapan penyata kewangan tahun 2020 telah bentang pada 26 November 2021.
- ✓ Majlis Agama Islam tidak dibentangkan di DUN kerana tiada keperluan dalam Enakmen (Pentadbiran).
- ✓ Majlis Sukan Negeri tidak perlu dibentangkan di DUN memadai dihantar kepada Ketua Menteri.
- ✓ Kumpulan Wang Amanah Sekolah Penang Free tahun 2020 diputuskan Jabatan Kewangan Negeri tidak dibentang di DUN.

**PENGESAHAN
PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2021**

Setakat 31 Ogos 2022, lima penyata kewangan agensi negeri telah disahkan.

Sijil Tanpa Teguran

**5
AGENSI**

- Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang
- Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang
- Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang
- Tabung Biasiswa Negeri Pulau Pinang
- Tabung Biasiswa Kecil Negeri Pulau Pinang

Belum Disahkan

**7
AGENSI**

- Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang
- Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang
- Kumpulan Wang Amanah Sekolah Penang Free
- Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang
- Majlis Bandaraya Pulau Pinang
- Majlis Bandaraya Seberang Perai
- Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang

**2 SYOR
AUDIT**

**PENERANGAN INFOGRAFIK RINGKASAN KESELURUHAN
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA (LKAN)
MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI
DAN AGENSI NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2021**

1. Infografik ini menunjukkan ringkasan keseluruhan bagi buku LKAN Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri Pulau Pinang Tahun 2021. LKAN ini mengandungi laporan berkaitan Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021; Analisis Kewangan Kerajaan Negeri serta Penyerahan, Pengesahan dan Pembentangan Penyata Kewangan Agensi Negeri. Perincian bagi setiap bahagian adalah seperti berikut:

1.1. Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021

- a. Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021 Tanpa Teguran dengan perenggan Hal-hal Lain telah ditandatangani pada 8 Julai 2022.
- b. Secara keseluruhannya, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang menunjukkan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi tahun berakhir 31 Disember 2021. Rekod perakaunannya juga telah diselenggara dengan teratur dan kemas kini.
- c. **Hal-hal Lain**
 - Kerajaan Negeri Pulau Pinang perlu menyelenggara lejar subsidiari pendeposit dengan teratur, lengkap dan kemas kini. Senarai baki akaun deposit hendaklah selari dengan rekod kewangan bagi memastikan baki deposit diperakaunkan dengan tepat dan betul.

1.2. Analisis Kewangan Kerajaan Negeri

- a. Secara keseluruhannya, analisis Audit mendapati kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada tahun 2021 adalah kukuh berdasarkan Matriks Kedudukan Kewangan Tahun 2021.

- b. Kutipan hasil pada tahun 2021 meningkat sejumlah RM224.96 juta (48.1%) menjadi RM692.24 juta. Bagaimanapun, perbelanjaan mengurus menurun sejumlah RM12.91 juta (1.5%) menjadi RM836.48 juta pada tahun 2021 berbanding RM849.39 juta pada tahun 2020.
- c. Akaun Hasil Disatukan pada tahun 2021 menunjukkan defisit semasa berjumlah RM38.97 juta. Defisit pada tahun 2021 menurun sebanyak RM228.09 juta berbanding defisit RM267.06 juta pada tahun 2020. Baki terkumpul Akaun Hasil Disatukan menurun menjadi RM848.81 juta (4.4%) berbanding RM887.78 juta pada tahun 2020.
- d. Akaun Amanah Disatukan pada tahun 2021 menunjukkan peningkatan berjumlah RM334.51 juta (35.8%) menjadikan baki pada tahun 2021 berjumlah RM1.268 bilion berbanding RM933.68 juta pada tahun 2020. Akaun Pinjaman Disatukan pada tahun 2020 dan 2021 berbaki sifar. Baki terkumpul Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2021 berjumlah RM2.117 bilion, iaitu meningkat sejumlah RM295.54 juta (16.2%) berbanding RM1.821 bilion pada akhir tahun 2020.
- e. Baki Pinjaman Boleh Dituntut menurun sejumlah RM115.63 juta (46.6%) daripada RM248.01 juta pada tahun 2020 kepada RM132.38 juta pada tahun 2021. Jumlah Hutang Awam menurun sejumlah RM4.22 juta (8.5%) menjadi RM45.41 juta berbanding RM49.63 juta pada tahun 2020. Jumlah Pelaburan menurun sejumlah RM3.51 juta (1.5%) menjadi RM229.48 juta berbanding RM232.99 juta pada tahun 2020.

1.3. Penyerahan, Pengesahan dan Pembentangan Penyata Kewangan Agensi Negeri

- a. Pengauditan penyata kewangan dilaksanakan terhadap 12 agensi negeri yang terdiri daripada sembilan Badan Berkanun Negeri (BBN), satu Majlis Agama Islam (MAI) dan dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
- b. Kesemua sembilan BBN dan satu MAI serta dua PBT telah mengemukakan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 untuk diaudit. Kesemua agensi negeri telah mengemukakan penyata kewangan dalam tempoh yang ditetapkan iaitu sebelum atau pada 30 Jun 2022.

- c. Setakat 31 Ogos 2022, hanya lima penyata kewangan agensi negeri telah disemak dan disahkan. Penyata kewangan yang telah disahkan dengan Pendapat Tanpa Teguran iaitu Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang; Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang; Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang; Tabung Biasiswa Negeri Pulau Pinang dan Tabung Biasiswa Kecil Negeri Pulau Pinang. Tujuh penyata kewangan lain yang belum disahkan terdiri daripada Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang; Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang; Kumpulan Wang Amanah Sekolah Penang Free; Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang; Majlis Bandaraya Pulau Pinang; Majlis Bandaraya Seberang Perai; dan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.
 - d. Sebanyak lapan penyata kewangan tahun 2020 yang telah disahkan oleh Ketua Audit Negara telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang pada 26 November 2021. Penyata kewangan Majlis Agama Islam tidak dibentangkan di DUN kerana tiada keperluan dalam Enakmen (Pentadbiran). Penyata kewangan Majlis Sukan Negeri tidak perlu dibentangkan di DUN, memadai dihantar kepada Ketua Menteri manakala penyata kewangan Kumpulan Wang Amanah Sekolah Penang Free tahun 2020 diputuskan Jabatan Kewangan Negeri tidak dibentang di DUN.
2. Secara keseluruhannya, sebanyak sembilan syor Audit yang diberikan oleh Ketua Audit Negara. Tujuh syor kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan dua syor kepada agensi negeri.

